

Ringgit ditutup rendah berbanding dolar AS dipengaruhi penurunan berterusan harga minyak global, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, ringgit diniagakan pada 4.3450/3550 berbanding dolar AS daripada 4.3340/3390 pada Selasa.

Minyak mentah penanda aras global Brent turun 39 sen kepada AS\$46.56 satu tong manakala minyak mentah AS jatuh 47 sen kepada AS\$45.34 satu tong.

Penganalisis FXTM Research, Lukman Otunuga, berkata kebimbangan terhadap lebihan bekalan masih memberi kesan kepada sentimen manakala terdapat kebimbangan memuncak kemungkinan penurunan permintaan dalam keadaan kelembapan pertumbuhan global.

Peniaga lain berkata mata wang serantau termasuk ringgit juga terjejas disebabkan sentimen kurang memberangsangkan berikutan jangkaan kenaikan kadar faedah AS pada Disember.

Unit tempatan diniagakan bercampur-campur berbanding mata wang utama lain.

Ia menokok berbanding dolar Singapura kepada 3.0668/0745 daripada 3.0716/0767 pada Selasa tetapi turun berbanding pound British kepada 5.4117/4259 daripada 5.3828/3908 sebelumnya.

Ringgit turun berbanding yen kepada 3.9673/9768 daripada 4.0048/0098 pada Selasa dan naik berbanding euro kepada 4.6552/6668 daripada 4.6799/6857 sebelumnya.